

20/11/2001

HIV: Tumpu perhatian langkah pencegahan

Dr Mohd Azam Rauzan

MASYARAKAT Malaysia akhir-akhir ini menghadapi pelbagai masalah sosial yang perlu ditangani dengan bijaksana. Langkah membendung masalah dan gejala sosial yang berlaku memerlukan satu kerangka tindakan sosial dan moral yang berkesan oleh kerajaan.

Seminggu lalu, Johor sekali lagi menempa sejarah sebagai negeri pertama melancarkan program pemeriksaan kesihatan kepada bakal pengantin, termasuk ujian HIV/Aids.

HIV/Aids adalah masalah kesihatan awam yang serius di dunia dan juga di Malaysia. Bilangan mereka yang dijangkiti virus HIV semakin meningkat saban tahun. Hingga kini, masih tiada penemuan ubat dan vaksin yang boleh menyembuhkannya.

Oleh itu, strategi paling utama untuk membendung epidemik ini ialah dengan mencegah jangkitan daripada merebak.

Sebagai pengamal perubatan, saya amat tertarik dengan pelbagai pendapat sama ada yang menyokong dan tidak kurang juga yang membantah di atas pelaksanaan ujian itu.

Langkah Kerajaan Johor melaksanakan peraturan memastikan bakal pengantin di negeri itu menjalankan ujian darah bagi HIV adalah amat tepat dan bersesuaian sekali pada masanya.

Saya terpanggil untuk memberikan sedikit pandangan daripada sudut yang lebih rasional dan praktikal dalam kehidupan harian manusia sejagat.

Saya ingin memulakan penulisan dengan satu rasa kehairanan terhadap polemik yang berlaku di atas cadangan yang mulia itu, lebih-lebih lagi ia telah mendapat tentangan pihak yang sepatutnya memainkan fungsi proaktif dalam program pencegahan penyakit ini.

Apabila menyebut perihal berpolemik ini, saya teringat petikan buku berjudul 'Menghadapi Cabaran' oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang antaranya berbunyi: "Berpolemik sudah menjadi satu tradisi bagi orang Melayu sehingga tidak ada satu pendapat yang tidak dibahas dengan panjang lebar.

"Dari perbincangan yang telah berlaku bukan saja sesuatu pendapat itu tidak dapat diterima kerana beberapa keburukan yang didedahkan oleh pihak yang mengkritik tetapi pendapat semua pengkritik juga dibahas dan kelemahan masing-masing didedahkan.

"Keputusan atau hasil dari tiap-tiap siri polemik ialah bukan saja pendapat asal tidak dapat dikemukakan atau diamalkan, tetapi semua pendapat lain yang dikemukakan dalam perbincangan yang berlaku juga tidak boleh di terima."

Secara peribadi, saya rasa program yang dilancarkan kerajaan negeri dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Johor (Jaij) dan Kementerian Kesihatan itu adalah satu program bersepadu yang akan membuahkan hasil cukup memberangsangkan dalam kita menangani merebaknya Aids di Johor.

Bukankah kita sedar bahawa dalam sesuatu penyakit, pencegahan itu adalah lebih baik daripada mengubatnya.

Saya agak terkeliru juga apabila baru-baru ini Timbalan Menteri Kesihatan sendiri membuat kenyataan yang tidak menyokong program yang dilancarkan oleh Kementerian Kesihatan.

Beberapa hari sebelum itu, Menteri Kesihatan sendiri memberi kenyataan memberangsangkan terhadap program yang dilancarkan oleh Kerajaan Johor.

Sebagai pengamal perubatan, saya mengambil inisiatif untuk memahami segala proses perancangan serta pelaksanaan program yang menjadi polemik

ini.

Selepas saya menghayati dengan mendalam, saya dapati kebanyakan kekeliruan dalam pelaksanaan program ini adalah kerana kurangnya pendedahan serta kefahaman mereka yang membuat komen akan isi kandungan program pemeriksaan bakal pengantin di Johor.

Secara logiknya, bukankah ini langkah pencegahan terawal dalam menentukan penyakit itu tidak merebak sewenang-wenangnya kepada generasi baru?

Bukankah langkah yang diambil oleh kerajaan negeri ini secara tidak langsung akan menentukan tidak akan ada lagi bakal isteri atau bakal suami yang akan terperangkap dengan pasangan masing-masing yang tentu sekali sudah tahu bahawa mereka dihinggapi Aids?

Bukankah ini dapat menghalang bakal bayi yang akan dikandung nanti serta bayi yang tidak berdosa dapat dielakkan daripada menjadi mangsa Aids?

Namun, pada penghayatan saya, pelaksanaan peraturan baru itu tidak menghalang mana-mana pasangan untuk meneruskan niat mereka, walaupun ujian itu mengesahkan salah seorang daripada pasangan itu menghidap Aids.

Kerana jika sudah ditakdirkan bahawa pasangan itu reda dengan keadaan serta risiko yang akan diterima mereka, pihak Jaij tidak akan menghalang mereka daripada meneruskan niat yang suci itu.

Malah, pada hari pelancaran program itu, satu buku panduan bimbingan kaunseling kepada pesakit yang menghidapi Aids mengikut perspektif Islam juga dilancarkan bersama oleh Menteri Besar Johor, Datuk Seri Abdul Ghani Othman.

Jika bakal pengantin didapati negatif HIV, dia boleh meneruskan permohonan nikahnya dengan mengemukakan keputusan pemeriksaan kesihatan (HIV) di mana-mana pejabat agama daerah dan tidak perlu menjalani sesi kaunseling.

Bakal pengantin yang didapati positif HIV pula perlu mendapat khidmat kaunseling di mana-mana pejabat agama daerah sebelum permohonan nikahnya diluluskan.

Pegawai khidmat nasihat dan runding cara akan membantu bakal pengantin mendapatkan sokongan dan bantuan yang diperlukan daripada mana-mana pihak yang berkaitan.

Dalam sesi kaunseling, bakal pengantin akan didedahkan berkaitan virus HIV serta kesannya kepada kehidupan dan pasangannya. Sekiranya bakal pengantin ingin juga meneruskan pernikahan, proses permohonan akan diteruskan seperti biasa.

Sekiranya bakal pengantin berniat untuk membatalkan pernikahannya, kaunselor akan memberi beberapa nasihat dan tindakan pencegahan dan rawatan akan diteruskan.

Tentu sekali program pemeriksaan kesihatan bakal pengantin di Johor bertepatan dengan motto Hari Aids Sedunia tahun ini yang berbunyi: "Saya prihatin, anda bagaimana?"

Maka, marilah kita, sama ada pihak kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), ibu-bapa, masyarakat dan yang penting, bakal pengantin sendiri menumpukan perhatian kepada langkah pencegahan ini.

Sudah jelas kepada kita bahawa dalam hal berkaitan jangkitan HIV ini, pencegahan adalah satu-satunya cara mengubati. Lantas, pemeriksaan kesihatan ke atas bakal pengantin bertujuan melengkapkan keperluan itu.

(END)